(19)

KKTP:100-4/16/(14)

09 November 2004

Acct I,
file ambil perhatian
(for Acct)
13/12/04

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan

Presiden
Majlis Perbandaran Tawau

Noted.
Acct. I
13/12/04

Pesuruhjaya
Lembaga Bandaran Kudat

Pegawai Kerja
Majlis-Majlis Daerah,
KUALA PENYU, SIPITANG, NABAWAN, TAMBUNAN, KENINGAU, TENOM, KOTA BELUD, RANAU, TUARAN, PENAMPANG, KUNAK, LAHAD DATU, KOTA MARUDU, SEMPORNA, KINABATANGAN, LABUK SUGUT/BELURAN, BEAUFORT DAN PAPAR

SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL.6/2004 - TARIKH TERAKHIR PENERIMAAN TUNTUTAN BAYARAN TAHUN 2004 YANG DIPROSES OLEH JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar tarikh akhir penerimaan tuntuan bayaran oleh Kementerian ini untuk menyedia baucar bayaran yang akan diproses oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah.

(18)

2. LATAR BELAKANG

Selaras dengan Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil.5 Tahun 2004 *(Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2004),* Akaun Kerajaan Negeri Sabah tahun 2004 akan ditutup pada **28 Februari 2005** untuk memenuhi kehendak Akauntan Negara Malaysia seperti yang terkandung dalam surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 1 Tahun 2004. Oleh yang demikian untuk memenuhi kehendak ini, Jabatan Bendahari Negeri Sabah telah menetapkan semua baucar bayaran hendaklah disampaikan dipejabatnya sebelum atau pada 10 Januari 2005.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Untuk mencapai matlamat yang tersebut dalam Perenggan 2 surat pekeliling ini dan untuk mempastikan masa yang mencukupi untuk pemprosesan tuntutan bayaran di peringkat Kementerin ini, tarikh akhir adalah ditetapkan untuk Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar serta semua PBT mengemukakan tuntutan bayaran.

Perbelanjaan Bagi Tempoh Bayaran	**Tarikh Akhir Penghantaran Tuntutan Ke Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan**
Perbelanjaan sehingga 30hb November 2004	**Sebelum 10hb Disember 2004**
01hb hingga 15hb Disember 2004	**Sebelum 22hb Disember 2004**
16hb hingga 31 Disember 2004	**Sebelum 05 Januari 2005**

3.2 Tuntuan bayaran yang diserahkan selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

4. Penutup

4.1 Kerjasama semua pihak berkaitan dengan mematuhi surat pekeliling ini amatlah dihargai.

(13)

4.2 Jika terdapat sebarang kemusykilan tentang surat pekeliling ini, sila berhubung Cik Phak Shiu Len melalui No. tel. 088-256744.

Sekian., harap maklum dan terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH

[DATUK UJANG SULANI]
Setiausaha Tetap

PSL/ry 09112004